

BSN sasar simpanan SSP cecah RM3 bilion

Oleh **ZUNAIDAH ZAINON**

ekonomi@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 30 DIS.**

BANK Simpanan Nasional (BSN) menyasarkan simpanan menerusi Sijil Simpanan Premium (SSP) mencecah RM3 bilion dengan pendapatan bersih sebanyak RM300 juta menjelang pertengahan Jun depan.

Timbalan Ketua Eksekutif Sokongan Perniagaannya, Ahmad Latfan Mohd. Amran berkata, sehingga akhir tahun ini, simpanan SSP berjumlah RM2.91 bilion dengan pendapatan bersih sebanyak RM174 juta berbanding RM255 juta dan simpanan RM2.74 bilion pada tahun lalu.

Katanya, peningkatan itu didorong oleh usaha BSN untuk menarik lebih ramai generasi muda untuk menyimpan dalam SSPN terutama menerusi pengenalan segmen Cabutan Remaja.

“Bagi sepanjang tempoh 2015, kempen 10 Power SSP BSN men-



catat perkembangan positif dengan peningkatan sebanyak 39 peratus berbanding sembilan peratus pada 2014 terutama untuk simpanan bagi golongan muda berumur 12 hingga 18 tahun,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Cabutan Sijil Simpanan Premium (SSP) Bank Simpanan Nasional (BSN) Disember 2015 yang disempurnakan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani di sini hari ini. Yang turut hadir, Pengerusi BSN, Tan Sri Abu Bakar Abdullah.

Pada majlis tersebut, BSN menyampaikan hadiah cabutan bulanan berupa sebuah kereta mewah BMW 320i kepada pemenang bulan November iaitu A. Gunavathy, seorang tukang jahit dari Selangor manaka-

la Chan Kok Chin, 17, pelajar dari Selangor yang memenangi sebuah Perodua Axia.

Sementara itu, dalam majlis undian hari ini, Nuraini Rachman dari Selangor diumumkan sebagai penenang hadiah utama SSP bernilai RM1 juta bagi tahun ini.

SSP BSN kini mencecah usia ke-37 tahun sejak mula diperkenalkan pada 1978 dan setakat ini terdapat lebih 2.3 juta penyimpan.

Pada tahun depan, BSN masih mengekalkan nilai hadiah RM18 juta dengan jumlah bilangannya ditingkatkan daripada 88,000 kepada 320,000 hadiah.

Bank itu juga akan meneruskan cabutan bulanan, tempatan dan cabutan istimewa.

Hadiah utama Cabutan Bulanan menawarkan kereta mewah seperti BMW 520i, BMW 320i, Mercedes-Benz E200, Mercedes-Benz C200 manakala bagi Cabutan Tempatan BSN pula menawarkan Perodua Axia dan cabutan istimewa bakal membawa pulang RM1 juta.